



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA MPSP**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN ECO-THERAPY MELALUI
PROGRAM FOREST BATHING BAGI TAHUN
2018**

OLEH

**YANG AMAT BERHORMAT TUAN LIM GUAN ENG
KETUA MENTERI PULAU PINANG**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**24 MAC 2018 (SABTU)
9.00 PAGI
TAMAN REKREASI PBAPP BUKIT D.O.
SEBERANG PERAI TENGAH**

Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng

Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas & Tebatan Banjir

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmud

Setiausaha Perbandaran MPSP

Yang Dihormati Encik Tan Choo Eng

Persatuan Pencinta Alam Malaysia

(*Malaysia Nature Society*)

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan - Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinnya dapat kita bersama-sama pada hari ini bagi Majlis Perasmian “*Eco-Therapy*” melalui Program “*Forest Bathing*” Bagi Tahun 2018 di Hutan Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O., Seberang Perai Tengah, yang akan disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang.

Sebelum itu izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng dan Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow kerana sudi melapangkan masa walaupun hari ini merupakan hari Sabtu. Tidak lupa juga rakaman jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai kepada semua yang hadir, terutamanya Encik Tan Choo Eng daripada Malaysia Nature Society (MNS) dan semua yang telah menjayakan majlis ini.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

MPSP telah melaksanakan pelbagai usaha dalam memelihara alam sekitar dan menjaga kelestarian hijau Seberang Perai di antaranya:-

- i. Melalui perkongsian pintar dengan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), telah berjaya meremajakan Bukit DO berukuran 40,873.25 meter persegi sehingga menjadi Taman Rekreasi Bandar yang dikunjungi hampir lima ratus (500) orang setiap hari untuk beriadah.
- ii. Melalui perkongsian pintar dengan SPEAD (*Surveyors, Planners, Engineers, Architects and Developers*) berjaya membangunkan kawasan di Taman Tunku Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah yang menjadi tempat tumpuan untuk melakukan pelbagai aktiviti sihat. Ia juga dikunjungi hampir lima ratus (500) ke satu ribu (1,000) pengunjung setiap hari.

- iii. Pada 27 Ogos 2017, MPSP bersama sektor swasta, Ahli Majlis, Jabatan Perhutanan, Hospital Bukit Mertajam, Politeknik Seberang Perai dan penduduk Seberang Perai menanam 3,002 batang pokok Tecoma sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan baru-baru ini. Program tanam pokok ini telah berjaya mencatat “*Malaysia Book Of Records*”.
- iv. Pada 23 September 2017 pula MPSP melalui program perkongsian pintar dengan Jabatan Perhutanan dan IOI Oleochemicals mengadakan program “*Forest Bathing*” di Hutan Simpan Bukit Juru yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang. Program “*Forest Bathing*” ini merupakan merupakan yang pertama diadakan di Malaysia.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

“*Forest Bathing*” merupakan satu konsep yang mula-mula diperkenalkan di negara Jepun pada tahun 1980an dengan gelaran dalam bahasa Jepun sebagai “*Shirin-Yoku*”. Ianya telah menjadi asas

penjagaan kesihatan, pencegahan dan penyembuhan dalam perubatan Jepun yang melibatkan satu aktiviti riadah / rekreasi ringkas sambil menghirup udara segar di kawasan hutan hijau sedia ada.

Matlamatnya adalah lebih kepada terapi diri dan terapi minda dengan berjalan-jalan di dalam hutan sambil menikmati dan menghargai keindahan alam semulajadi serta merangsangkan ke semua deria manusia.

Kajian-kajian yang telah dijalankan mendapati banyak kelebihan apabila mengunjungi hutan serta kawasan semulajadi dan merupakan satu aktiviti yang amat baik untuk menjaga kesihatan diri. Secara tidak langsung, pelbagai penyakit dapat dikawal melalui aktiviti “*Forest Bathing*”. Ini termasuklah meningkatkan imunisasi badan, mengurangkan tekanan darah, mengurangkan tekanan (*stress*), meningkatkan *positive mode*, mempercepatkan penyembuhan dari pembedahan dan kesakitan, meningkatkan tenaga dan meningkatkan kualiti tidur. Di samping itu, secara tidak langsung kita akan memperolehi ketenangan yang tidak dapat kita perolehi di bandar-bandar.

Memandangkan terdapat pelbagai manfaat kesihatan dan rekreasi selain daripada menyumbang ke arah pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar, maka “*Eco-Therapy*” melalui Program “*Forest Bathing*” telah disenaraikan sebagai salah satu program di bawah Pelan Strategik MPSP Tahun 2018 - 2022 yang mana akan diadakan enam (6) kali setiap tahun. Pelaksanaan “*Eco-Therapy*” melalui Program “*Forest Bathing*” ini adalah sejajar dengan memenuhi hasrat kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu “*Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*”.

Pelaksanaan “*Eco-Therapy*” melalui Program “*Forest Bathing*” adalah juga merupakan pengisian strategi “*Care for the Elderly*” untuk meningkatkan kualiti kehidupan. Saya berpendapat bahawa “*Care for the Elderly*” tidak hanya bergantung kepada tanggungjawab ahli keluarga bahkan ia juga menjadi sebahagian tanggungjawab kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), NGO, sektor swasta dan semua *stakeholders*. Antara program yang telah diusahakan oleh MPSP ialah Program Perasmian Taman *Upcycle* yang diadakan pada 10 Mac 2018 di Kolam Tadahan bersebelahan dengan Menara MPSP. Dengan adanya taman ini, kanak-kanak boleh beriadah bersama ibu bapa, datuk atau nenek mereka bagi melihat usaha-usaha yang dibuat oleh warga kerja MPSP khususnya daripada Jabatan Perbandaran dan Jabatan

Landskap. Barang-an kitar semula yang telah dibuang itu dikutip dan telah dinaik taraf menjadi koleksi-koleksi menarik hiasan di taman. Secara tidak langsung, ia dapat memberikan satu ilham kepada pengunjung khususnya warga emas, ibu-ibu yang tidak bekerja atau penganggur bahawa tidak semestinya semua barang buangan itu tidak berguna. Adakalanya ia dapat memberikan hasil yang lebih menarik dan lumayan.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Enam (6) lokasi telah dikenalpasti untuk “*Eco-Therapy*” melalui Program “Forest Bathing” untuk tahun 2018 iaitu:-

- i. Hutan Simpan Bukit Juru, SPT yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang pada 23 September 2017;

- ii. Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O, SPT yang akan dirasmikan pada hari ini 24 Mac 2018 oleh Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow;
- iii. Taman Rekreasi Air Hitam Dalam, SPU yang dijangka dirasmikan pada 14 April 2018 (Sabtu);
- iv. Hutan Lipur Cherok Tok Kun, SPT yang akan dirasmikan pada 16 Jun 2018 (Sabtu);
- v. Taman Negeri Bukit Panchor, SPS pada 13 Oktiber 2018 (Sabtu) dan
- vi. Pulau Aman, Seberang SPS pada 15 Disember 2018 (Sabtu).

Melalui perancangan Pelan Strategik MPSP Tahun 2018 - 2022, “*Eco-Therapy*” melalui Program “*Forest Bathing*” ini adalah merupakan aktiviti yang tidak memerlukan tenaga yang banyak dan tidak menggunakan wang ringgit tetapi dapat menyihatkan tubuh badan.

Selain itu juga, aktiviti “*Forest Bathing*” ini boleh dilaksanakan bersama keluarga sekaligus dapat mengeratkan silaturahim sesama keluarga. Aktiviti ini dapat dilakukan dari pelbagai lapisan umur seperti kanak-kanak, dewasa remaja dan warga emas.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O, Bukit Mertajam, SPT dipilih sebagai tapak untuk “*Eco-Therapy*” melalui Program “*Forest Bathing*” bagi Tahun 2018. Taman yang berkeluasan 40,873.25 meter persegi (10.10 ekar) telah diwartakan sebagai taman rekreasi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan diselenggarakan oleh MPSP. Taman ini merupakan sebuah taman yang menjadi tumpuan orang ramai untuk melakukan aktiviti riadah. Taman ini telah siap dinaiktaraf oleh PBAPP pada 30 Julai 2013, selaras dengan program Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang *Cleaner, Greener, Safer, Healthier* (Pulau Pinang Lebih Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat).

Taman ini diliputi pelbagai jenis-jenis pokok yang terdiri daripada pokok balak / spesis hutan. Terdapat 38 spesis pokok yang telah

dikenalpasti dan di antaranya adalah Pokok Getah Para (*Hevea brasiliensis*), Pokok Meringan Bukit (*Sonneratia ovate*), Pokok Terap (*Artocarpus elasticus*), Pokok Tampang Burung (*Antocarpus gomeziana*), Pokok Ara (*Ficos moaceae*), Pokok Akasia Daun Lebar (*Acacia mangium*) dan pelbagai jenis pokok yang lain lagi. Sebanyak 71 batang pokok telah ditanda dan dilabel di sekitar kawasan Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O ini. Ada pokok teduhan dari spesis *Ficus benjamina* (Pokok Ara Beringin) yang dipercayai berusia melebihi 100 tahun di sini.

Bukit DO juga merupakan tempat yang kerap dihinggapi pelbagai jenis burung-burung menarik. Encik Tan Choo Eng daripada Persatuan Pencinta Alam Malaysia (*Malaysia Nature Society*) akan memberikan penjelasan lebih lanjut berhubung burung-burung yang terdapat di sini dalam sesi penerangan selepas daripada majlis perasmian ini.

Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O. juga menyediakan komponen-komponen untuk riadah dan pelbagai aktiviti seperti dewan terbuka; laluan atau trek untuk pejalan kaki, *jogging* dan berbasikal; *jungle track*; platform cerapan; tandas awam; wakaf; kawasan letak kereta, motosikal dan bas; tangki air; rumah pam; dan peralatan senaman.

Saya amat berharap agar kemudahan-kemudahan yang disediakan ini dapat dijaga sebaiknya oleh semua pihak terutama pengunjung Seberang Perai untuk kegunaan jangka panjang. Dalam usaha untuk membangunkan kesedaran dan menggerakkan anggota masyarakat dalam aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar di Bukit DO, saya bercadang untuk mengadakan Program Rakan Bukit DO. Rakan Bukit DO melibatkan penyertaan anggota masyarakat untuk memberi pandangan program-program yang perlu diadakan bagi tujuan berikut:-

- i. Memberikan kesedaran alam sekitar di setiap lapisan masyarakat.
- ii. Menanam rasa tanggungjawab di kalangan masyarakat untuk bertindak dan mengambil bahagian dalam menjaga persekitaran Bukit DO yang dikongsi bersama.
- iii. Menyediakan saluran yang tepat bagi masyarakat membuat aduan atau pandangan mengenai alam sekitar kepada MPSP

- iv. Menyediakan *platform* untuk penganjuran pelbagai aktiviti senanam dan sukan di sini.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Terima kasih saya ucapkan kepada semua yang bertungkus lumus bagi mengindahkan Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O ini disamping mempromosikan “*Eco-Therapy*” melalui Program “*Forest Bathing*”.

Akhir sekali, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng dan Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow yang sentiasa memberikan dorongan dan inspirasi atas usaha-usaha kami. Terima kasih juga kepada Ahli Majlis MPSP, badan-badan korporat, *Malaysia Nature Society* dan penduduk-penduduk Seberang Perai yang terlibat dalam usaha membantu MPSP untuk menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih, hijau dan selamat serta mempunyai penduduk yang sihat Syabas dan tahniah kerana memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MPSP dan saya pasti dengan komitmen ini, “*Seberang Perai – Aspiring City Of Tomorrow*” dapat direalisasikan.

Dengan ini, saya sudahi dengan *Wabillahi Taufik Wal Hidayah*,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.